

SENI & BUDAYA

DOA, HARAPAN PENYAIR UNTUK DBP

Oleh **ABD. AZIZ ITAR**
aziz.itar@utusan.com.my

MALAM Baca Puisi Pena-ITBM-DBP yang mengisi acara tetapnya setiap sebulan sekali sejak 18 tahun lalu tidak pernah sunyi dengan pelbagai nada gaya suara dan mesej para penyairnya.

Golongan itu misalnya, tidak pernah alpa dalam menentang isu-isu semasa selain terus istiqamah memperjuangkan bahasa Melayu yang dilihat semakin dipinggirkan sejak akhir-akhir ini.

Pentas Sutung Umar RS di Rumah Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) di Kuala Lumpur yang menjadi gelanggang golongan itu turut mengambil berat tentang Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Ia sesuai dengan peranan DBP selaku agensi kerajaan yang memperjuangkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, apatah lagi DBP akan menyambut ulang tahunnya yang ke-60 pada 22 Jun ini. Malah, acara anjuran Pena bersama DBP dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) itu turut meraikan Ketua Pengarah DBP yang baharu, Abdul Adzis Abas yang dilantik ke jawatan itu Februari lalu.

Justeru, Malam Baca Puisi Pena-ITBM-DBP itu banyak digunakan oleh golongan penyair bagi menyuarakan rasa hati, pendapat serta harapan mereka dalam memperkasakan lagi agensi itu.

Bekas Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr. Firdaus Abdullah contohnya, tidak mahu ketinggalan menggunakan platform itu dengan mendeklamasikan sebuah puisinya bertajuk *Dirgahayu Dewan Bahasa* yang sesuai dengan majlis pada malam tersebut.

“Saya mahu mendedikasikan sajak ini khas untuk Ketua Pengarah DBP yang baharu,” katanya sebelum membacakan



ANTARA mereka yang terlibat dalam Malam Baca Puisi Pena-ITBM-DBP yang diadakan bersempena meraikan Ketua Pengarah DBP yang baharu, Abdul Adzis Abas (empat dari kiri) yang dilantik ke jawatan itu Februari lalu dalam satu majlis di Pentas Sutung Umar RS, Rumah Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

puisi itu di hadapan kira-kira 200 hadirin dalam acara tersebut.

Puisi itu secara tidak langsung menggambarkan tentang harapan beliau terhadap perjuangan DBP dalam memperjuangkan bahasa Melayu dalam suasana semasa hari ini yang semakin mencabar.

Ini bukan kali pertama, sebaliknya sewaktu memegang jawatan itu dan pada Majlis Jubli Emas DBP pada 23 Jun 2006 di DBP, beliau juga pernah mendeklamasikan puisi yang sama.

Selain penyair, majlis pada malam itu turut disaksikan oleh sekumpulan pelajar dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang datang dengan dua buah bas.

Tiga pelajar dari fakulti terbabit diberi peluang mengadakan persembahan dengan bermain gitar sambil menyanyikan semula lagu puisi *Masihkah Kau Ingat* yang dipopularkan oleh Koprata.

Ramai penggiat sastra termasuk

Malam Baca Puisi Pena-ITBM-DBP itu banyak digunakan oleh golongan penyair bagi menyuarakan rasa hati, pendapat serta harapan mereka dalam memperkasakan lagi agensi itu.

Sasterawan Negara, Datuk Baha Zain dan Datuk Zurinah Hassan antara karyawan tersohor yang hadir bagi memberi sokongan dalam majlis tersebut.

Sebelum itu, Presiden Pena, Dr. Mohamad Saleeh Rahamad, turut tampil dengan sebuah sajak tulisannya yang bertajuk *Mari Ke Laman Sastra* yang ditujukannya kepada Abdul Adzis.

Dalam kata-kata aluannya, beliau berharap

Ketua Pengarah DBP itu tidak kekok untuk mendekati golongan penulis terutama penggiat sastra tanah air agar golongan itu terus berdaya maju. Prof. Rahman Shaari turut tampil dengan puisinya bertajuk, *Dalam Gelap Ada Terang* yang bukan sahaja relevan dengan isu semasa yang mungkin ada kaitannya dengan DBP.

Memartabatkan bahasa Melayu

DBP yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956, pada mulanya dikenali sebagai Balai Pustaka dan merupakan jabatan kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memartabatkan bahasa Melayu.

Sebelum membacakan puisi itu yang bukan sahaja ringkas dan padat tetapi Prof. Rahman turut tampil dengan naratifnya yang tersendiri sehingga menggeletek hati para penonton.

“Saya ada soalan untuk Ketua Pengarah DBP yang baharu iaitu

kalau ada kegelapan ada tak kecerahan? Dan ada tak terang dalam gelap? Bolehkah juga ada terang dalam gelap?”

“Suatu hari saya pergi ke satu majlis perkahwinan dan dari situlah saya dapat jawabannya. Tetapi di sini saya simpulkan pada bahagian akhirnya sahaja,” katanya dalam nada penuh tanda tanya.

Ketua Pegawai Eksekutif ITBM, Mohd. Khair Ngadiron tidak ketinggalan menyampaikan sajak terbaharu beliau yang antaranya bertajuk *Sejarah* berdasarkan catatan pengalamannya.

Puisi yang dipersembahkannya itu dicatatkannya sewaktu beliau bercuti di beberapa tempat di India seperti Agra dan Red Fort beberapa minggu lalu yang banyak mencetuskan rasa keinsafan.

Kedaifan kebanyakan masyarakat marhaen di negara kedua paling ramai penduduk di dunia itu turut telah menyuntik banyak elemen yang mampu

membentuk akal budi bagi yang mahu menghayatinya.

Penyair lain yang turut mengambil bahagian ialah Timbalan Presiden Persatuan Linguistik Malaysia, Kamal Shukri Abdullah Sani menerusi sajaknya yang berjudul, *Sajak Buat Mariam*.

Turut serta ialah Sutung Umar RS melalui puisi bertajuk *Mazmur IV*, Usman Gumanti Ibrahim (*Seekor Kakak Tua dan Seorang Penyair*, Ahmad Sarju (*Ada Pisau Dalam Persahabatan*) dan Prof. Arba (*Puisi Pandangan Orang Sakit*).

Selain acara mendeklamasi puisi, pihak penganjur turut menjemput Ketua Pengarah DBP yang baharu itu melancarkan empat buah buku terbaharu terbitan ITBM.

Empat buah buku itu berjudul *Daun-Daun Keramat dan Drama Dalam Penskripan*, *Pementasan dan Kritikan* hasil tulisan Mana Sikana dan *Senyum Ayah* (Hasni Jamali) dan *Sfera Bersegi Lima* (Fathul Khair Mohd Dahlan).